

KENYATAAN RASMI
23 APRIL 2021

**PELEPASAN PELAJAR PULANG KE KAMPUNG SEMPENA CUTI
PERTENGAHAN SEMESTER**

Menyedari situasi penularan virus COVID-19 yang semakin meningkat di beberapa kawasan di Malaysia serta bersempena cuti pertengahan semester pada 8 Mei 2021 sehingga 16 Mei 2021, Politeknik Merlimau (PMM) mengambil keputusan untuk **membenarkan semua pelajar PMM pulang ke kampung halaman masing-masing bermula 23 April 2021 (bagi pelajar yang tinggal di dalam negeri Melaka)**. Manakala pergerakan pelajar yang melibatkan rentas negeri (selain dari negeri Melaka) pergerakan pulang dibenarkan bermula pada hari **Isnin 26 April 2021 sehingga hari Khamis 5 Mei 2021**.

Suka diingatkan segala pergerakan rentas negeri adalah tertakluk kepada peraturan pergerakan rentas negeri yang diluluskan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu hanya pada **hari Isnin hingga Khamis sahaja**. **Surat sokongan pelepasan** pergerakan rentas daerah/negeri susulan perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi **pelajar Politeknik Merlimau boleh dimuat turun melalui <http://www.jheppmm.com/ezymohon/>**.

Bagi pelajar yang tinggal di Kolej Kediaman, bilik hendaklah ditinggalkan dalam keadaan kemas dan bersih, segala keperluan akademik hendaklah dibawa bersama serta **kunci bilik hendaklah dipulangkan** ke Pejabat Kolej Kediaman sebelum pulang bercuti. Berikut adalah **cadangan tarikh pergerakan** pulang pelajar mengikut Jabatan Akademik;

JABATAN AKADEMIK	CADANGAN TARIKH PERGERAKAN
• Jab. Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) / • Jab. Perdagangan (JP)	Isnin : (26 April 2021) / (3 Mei 2021)
• Jab. Kejuruteraan Awam (JKA) / • Jab. Perdagangan (JP)	Selasa : (27 April 2021) / (4 Mei 2021)
• Jab. Kejuruteraan Mekanikal (JKM) / • Jab. Perdagangan (JP)	Rabu : (28 April 2021) / (5 Mei 2021)
• Jab. Kejuruteraan Elektrik (JKE)* / • Jab. Perdagangan (JP)	Khamis : (29 April 2021) / (5 Mei 2021)

*Sesi kuliah akademik masih berjalan seperti biasa mengikut takwim akademik **menerusi dalam talian** sehingga ke suatu masa yang akan dimaklumkan kelak.

*Pergerakan pulang tertakluk kepada keperluan Jabatan Akademik masing-masing. Sila rujuk **Penasihat Akademik dan Pensyarah Kursus** yang terlibat khususnya bagi pelajar JKE.

*Pengecualian kepada pelajar yang masih dalam tempoh kuarantin (PUS), sila kekal di rumah sewa/bilik sehingga tempoh kuarantin tamat.

#Amalkan norma baharu untuk mencegah COVID-19. **Kemaskini deklarasi kesihatan** pelajar setiap hari sekali menerusi **aplikasi PolyCcDec**.